

11 NOV 1997

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Yang turut hadir ialah timbalan presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketiga-tiga naib presiden parti dan ketua pergerakan pemuda dan wanita.

Antara perkara yang akan dibangkitkan selain berbincang hal berkaitan kepartian ialah isu tindakan Amerika Syarikat menjalankan siasatan terhadap Petronas yang menjalankan kerja membangunkan kawasan gas Iran. -- BERNAMA

ARA AKD